

ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 1959

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI PERAK 1998

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 11A Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959, Raja dalam Mesyuarat membuat peraturan-peraturan yang berikut: En. 10/59.

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak 1998** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga-Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak (setiap Lembaga kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga Tatatertib") seperti yang dinyatakan dalam ruang 1 Jadual; dan setiap Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang dinyatakan dalam ruang 4 Jadual. Penubuhan Lembaga Tatatertib.

(2) Walau apa pun subperaturan (3), mana-mana anggota Lembaga Tatatertib (termasuklah Pengerusi) yang dinyatakan dalam ruang 4 Jadual yang menjadi pengadu dalam apa-apa prosiding tatatertib terhadap seseorang pegawai tidak boleh bersidang sebagai anggota atau Pengerusi Lembaga Tatatertib untuk mendengar kes terhadap pegawai itu. adun
efat
-leg on
h' mat dir
Pengerusi
Andala H
alun ante
I' hadal

(3) Setiausaha Kerajaan Negeri boleh, atas sebab-sebab yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, menamakan mana-mana pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib untuk menggantikan mana-mana anggota Lembaga Tatatertib yang dinyatakan dalam ruang 4 Jadual, kecuali anggota yang dilantik bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(4) Kuorum bagi suatu mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan seorang anggota lain.

3. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) peraturan ini dan peraturan 4, Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib semua orang yang dinyatakan dalam ruang 2 Jadual yang menjadi anggota perkhidmatan yang disebut dalam seksyen 2 Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak 1959. Fungsi Lembaga Tatatertib.
En. 10/59.

(2) Lembaga Tatatertib yang dinyatakan dalam ruang 1 Jadual hendaklah mempunyai bidang kuasa yang dinyatakan dalam ruang 3 Jadual.

Kuasa buang kerja dan turun pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

4. (1) Kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah subperaturan (1), mengenakan apa-apa hukuman selain daripada turun pangkat atau buang kerja jika difikirkannya sesuai untuk berbuat demikian.

Mesyuarat Lembaga Tatatertib.

5. Bagi maksud menjalankan fungsinya, Lembaga Tatatertib hendaklah mengadakan mesyuarat pada suatu tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditentukan oleh Pengerusi.

Pengundian.

6. Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan sekiranya bilangan undi itu sama banyak, Pengerusi hendaklah mempuyai undi pemutus.

Rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.

7. Pengerusi hendaklah menyebabkan disimpan semua rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.

Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan prosedur yang ditetapkan.

8. Pada menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan prosedur yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana peraturan atau arahan lain yang boleh dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh Raja dalam Mesyuarat.

Peluang untuk didengar.

9 (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), tiada perintah untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai boleh dibuat oleh Lembaga Tatatertib dalam apa-apa prosiding tatatertib melainkan jika pegawai itu telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkan tindakan itu dicadangkan diambil terhadapnya dan telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

(2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal yang berikut:

(a) Jika seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;

(b) jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, adalah tidak semunasabahnya praktik untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini;

- (c) jika Raja Pemerintah berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini; atau
- (d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi telah dibuat terhadap pegawai itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, telah dikenakan ke atas pegawai itu, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis.

10. Sebelum membuat sesuatu keputusan berkenaan apa-apa perkara yang mengenainya ia dikehendaki memutuskan sedemikian, Lembaga Tatatertib boleh mengkehendaki suatu penyiasatan dijalankan oleh seseorang pegawai atau suatu kumpulan pegawai bagi maksud mendapatkan suatu penjelasan dan suatu syor berkenaan dengan perkara tersebut.

Lembaga
Tatatertib
boleh meng-
kehendaki suatu
penyiasatan.

11. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini suatu Lembaga Rayuan Tatatertib (bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional) hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang pada masa ini dilantik di bawah seksyen 4 (2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959.

Lembaga
Rayuan
Tatatertib bagi
semua pegawai
dalam Kumpulan
Pengurusan
Tertinggi dan
Kumpulan
Pengurusan dan
Profesional.

(2) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri hendaklah menjadi Pengerusi bagi Lembaga Rayuan Tatatertib (bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional).

(3) Fungsi Lembaga Rayuan tersebut ialah menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam perkhidmatan yang disebut dalam peraturan 3.

12. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini suatu Lembaga Rayuan Tatatertib (bagi Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saraan Baru dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976) hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri sebagai ahli-ahlinya.

Lembaga
Rayuan
Tatatertib bagi
Kumpulan
Sokongan
di bawah
Sistem Saraan
Baru dan
Kumpulan B, C
dan D di bawah
Laporan Jawatan-
kuasa Kabinet
1976.

(2) Fungsi Lembaga Rayuan ialah untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saraan Baru dan Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 dalam perkhidmatan yang disebutkan dalam peraturan 3.

Rayuan.

13. Mana-mana pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subperaturan 2 (1) boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 11 atau 12.

Prosedur rayuan.

14. (1) Suatu rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh seseorang pegawai yang disebut dalam peraturan 13 (kemudian daripada ini disebut sebagai "perayu") kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang berkenaan melalui Ketua Jabatannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan Lembaga Tatatertib itu diberitahu kepadanya secara bertulis.

(2) Ketua Jabatan hendaklah tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh penerimaan rayuan itu daripada perayu, mengemukakan rayuan itu kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan alasannya.

(3) Apabila menerima rayuan itu di bawah subperaturan (2) Lembaga Tatatertib hendaklah menyebabkan suatu salinan rekod prosiding Lembaga Tatatertib disediakan, termasuklah alasan yang Lembaga Tatatertib bergantung padanya dalam mencapai keputusannya.

(4) Rekod prosiding yang disediakan di bawah subperaturan (3) berserta dengan alasan keputusan dan rayuan perayu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang berkenaan tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh penerimaan rayuan itu oleh Lembaga Tatatertib.

Pendengaran rayuan.

15. (1) Apabila diterima dokumen itu, Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib yang berkenaan hendaklah mengadakan suatu mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib untuk menimbangkan rayuan itu.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib itu hendaklah memutuskan sesuatu rayuan semata-mata atas merit alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan atau keterangan lanjut.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Lembaga Rayuan Tatatertib itu boleh, menurut budi bicaranya semata-mata dan tertakluk kepada hak perayu untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan daripada mana-mana orang jika pada pendapatannya ia adalah patut dan adil untuk berbuat demikian.

(4) Setelah menimbangkan rayuan tersebut, Lembaga Rayuan Tatatertib itu boleh:

- (a) menghantar balik kes itu kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula;
- (b) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib;
- (c) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu itu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan; atau
- (d) mengakaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu.

(5) Keputusan mana-mana Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

16. Kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bagi maksud mengawalselia prosedurnya yang pada masa ini berkuatkuasa hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 11 atau 12 dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu seolah-olah kaedah-kaedah itu menjadi sebahagian daripada Peraturan-Peraturan ini.

Kaedah-kaedah prosedur Lembaga Rayuan Tatatertib.

17. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak 1976 adalah dimansuhkan.

Pemansuhan PK. P.U. 25/76.

18. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang telah dimulakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan oleh peraturan 17 atau oleh Lembaga Tatatertib (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini; dan segala perbuatan dan prosiding itu hendaklah disifatkan telah dilakukan atau dimulakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib seolah-olah Peraturan-Peraturan ini telah berkuatkuasa.

Peruntukan kecuaian dan peralihan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh disifatkan telah menyentuh atau mengambil apa-apa kuasa, keistimewaan atau perlindungan yang diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau mana-mana anggotanya di bawah Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959.

En. 1959.

(3) Apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai yang dimulakan oleh Lembaga sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini boleh diselesaikan oleh Lembaga itu walaupun pegawai itu telah dikelaskan semula di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 dan segala Pekeliling

Perkhidmatan yang lain yang berhubungan dengan pengelasan pegawai-pegawai dan, walau apa pun peruntukan peraturan 2 atau 3 mengikut kehendak keadaan, Lembaga itu hendaklah mempunyai segala kuasa Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Lembaga itu yang dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 11 atau 12.

Keputusan hendaklah diberitahu kepada pegawai secara bertulis.

19. Segala keputusan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai hendaklah diberitahu kepada pegawai itu secara bertulis.

Setiausaha Kerajaan hendaklah memutuskan tafsiran terma.

20. Jika timbul kekeliruan tentang ungkapan "Ketua Jabatan" atau "Ketua Bahagian" atau "Ketua Perkhidmatan" bagi maksud Peraturan-Peraturan ini dan Jadual, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk suatu keputusan.

JADUAL

Lembaga-Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak

(Peraturan 2)

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Lembaga Tatatertib</i>	<i>Pengelasan Pegawai</i>	<i>Bidang Kuasa</i>	<i>Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional.	Semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.	Tindakan Tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.	Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri Anggota: (a) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri - Pentadbiran (h) seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Lembaga Tatatertib</i>	<i>Pengelasan Pegawai</i>	<i>Bidang Kuasa</i>	<i>Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No. 1)	(a) Kumpulan Sokongan di Bawah Sistem Saraan Baru (b) Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976.	Tindakan Tatatertib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.	Pengerusi: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri - Pentadbiran. Anggota: (a) Penolong kepada Penasihat Undang-Undang Negeri. (b) Seseorang pegawai dari- pada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.
Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No. 2).	(a) Kumpulan Sokongan di Bawah Sistem Saraan Baru. (b) Kumpulan B, C dan D di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976.	Tindakan Tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat.	Pengerusi: Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan- Pengurusan Sumber Manusia. Anggota: Dua orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

Diperbuat pada 6 November 1998.
[PSUK. PK(BPK) PU. Pk. 15/73
1A 355/951/2/16-3.]

Haji SHAR Aidin B. TAKIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Perak

STATE PUBLIC SERVICE COMMISSION
ENACTMENT 1959

STATE OF PERAK PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARD
REGULATIONS 1998

In exercise of the powers conferred by section 11A of the State Public Service Commission Enactment 1959, the Ruler in Council makes the following regulations: *En. 10/59.*

1. These Regulations may be cited as the State of Perak Public Service Disciplinary Board Regulations 1998 and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*. *Citation and commencement.*

2. (1) There are hereby established the State of Perak Public Services Disciplinary Boards (each of which shall hereinafter be referred to as the "Disciplinary Board") as specified in column 1 of the Schedule; and each Disciplinary Board shall constitute members as specified in column 4 of the Schedule. *Establishment of Disciplinary Boards.*

(2) Notwithstanding subregulation (3), any member of the Disciplinary Board (including the chairman) as specified in column 4 of the Schedule who is the complainant in any disciplinary proceedings against an officer shall not sit as a member or as Chairman of the Disciplinary Board to hear the case against that officer.

(3) The State Secretary may, for reasons to be recorded by him in writing, nominate any officer of a rank higher than that of the officer who is subject to disciplinary action to substitute any member of the Disciplinary Board specified in column 4 of the Schedule, except members appointed for the purpose of these Regulations.

(4) The quorum for a Disciplinary Board meeting shall consist of the Chairman and one other member.

3. (1) Subject to subregulation (2) of this regulation and regulation 4, the Disciplinary Board shall have jurisdiction in matters relating to the conduct and discipline of all persons specified in column 2 of the Schedule who are members of the service mentioned in section 2 of the State Public Service Commission Enactment 1959. *Functions of the Disciplinary Board.* *En. 10/59.*

(2) The Disciplinary Board specified in column 1 of the Schedule shall have the jurisdiction as specified in column 3 of the Schedule.

4. (1) The power to dismiss or reduce in rank an officer in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group shall be exercised by the State Public Service Commission. *Power of dismissal and reduction in rank of officers in the Top Management Group and Managerial and Professional Group.*

(2) Notwithstanding any of the provisions in these Regulations, the State Public Service Commission may, in the

exercise of its powers under subregulation (1), impose any punishment other than reduction in rank or dismissal if it deems it appropriate so to do.

Meetings of the
Disciplinary
Board.

5. For the purpose of exercising its functions, the Disciplinary Board shall meet on such date and at such place and time as the Chairman may determine.

Voting.

6. All questions raised at meetings of the Disciplinary Board shall be decided by a majority of votes and in the event of an equality of votes the Chairman shall have a casting vote.

Records of
meetings of the
Disciplinary
Board.

7. The Chairman shall cause to be kept record of all meetings of the Disciplinary Board.

Disciplinary
Board to abide
by principles and
procedure laid
down.

8. In the exercise of its functions under these Regulations the Disciplinary Board shall abide by the principles and procedure set out in these Regulations or such other regulations or directions as may from time to time be issued by the Ruler in Council.

Opportunity of
being heard.

9 (1) Subject to subregulation (2), no order to dismiss or reduce an officer in rank shall be made by the Disciplinary Board in any disciplinary proceedings unless such officer has been informed in writing of the grounds on which it is proposed to take action against him and has been afforded a reasonable opportunity of being heard.

(2) Subregulation (1) shall not apply in the following cases:

- (a) where an officer is dismissed or reduced in rank on the ground of conduct in respect of which a criminal charge has been proven against him;
- (b) where the Disciplinary Board is satisfied that for some reason, to be recorded by it in writing, it is not reasonably practicable to carry out the requirements of this regulation;
- (c) where the Ruler is satisfied that in the interest of the security of the Federation or any part thereof it is not expedient to carry out the requirements of this regulation; or
- (d) where there has been made against the officer any order of detention, supervision, restricted residence, banishment or deportation, or where there has been imposed on such officer any form of restriction or supervision by bond or otherwise, under any law relating to the security of the Federation or any part thereof, prevention of crime, preventive detention, restricted residence, banishment, immigration, or protection of women and girls.

10. Before making a decision regarding any matter upon which it is required so to determine, the Disciplinary Board may, if it considers necessary to obtain further explanation, require an investigation to be conducted by an officer or a body of officers for the purpose of obtaining an explanation and a recommendation in respect of the said matter.

Disciplinary Board may require an investigation

11. (1) For the purpose of these Regulations a Disciplinary Appeal Board (for officers in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group) shall be established consisting of members of the State Public Service Commission for the time being appointed under section 4 (2) of the State of Perak Public Service Commission Enactment 1959.

Disciplinary Appeal Board for all officers in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group.

(2) The Chairman of the State Public Service Commission shall be the Chairman of the Disciplinary Appeal Board (for officers in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group).

(3) The functions of the Appeal Board shall be to receive, consider and decide on any appeal made in accordance with the provisions of these Regulations with respect to any decision of the Disciplinary Board relating to the conduct and discipline of an officer in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group, in the service referred to in regulation 3.

12. (1) For the purpose of these Regulation a Disciplinary Appeal Board (for the Support Group under the New Remuneration System and Group B, C and D under the Cabinet Committee Report 1976) shall be established consisting of the State Secretary as the Chairman, the State Legal Adviser and the State Financial Officer as members.

Disciplinary Appeal Board for the Support Group under the New Remuneration System and Group B, C and D under the Cabinet Committee Report 1976.

(2) The function of the Appeal Board shall be to receive, consider and decide on any appeal made in accordance with the provisions of these Regulations with respect to any decision of the Disciplinary Board relating to the conduct and discipline of an officer in the Support Group under the New Remuneration System and Group B, C and D under Cabinet Committee Report 1976, in the service referred to in regulation 3.

13. Any officer aggrieved by the decision of the Disciplinary Board established under subregulation 2(1) may appeal against such decision to the Disciplinary Appeal Board established under regulation 11 or 12.

Appeal.

14. (1) An appeal shall be made in writing by an officer referred to in regulation 13 (hereinafter referred to as "the appellant") to the respective Disiplinary Appeal Board through his Head of Department within 14 days from the date on which the decision of the Disciplinary Board is communicated to him in writing.

Procedure of appeal.

(2) The Head of Department shall, not later than 30 days from the date of receipt of the appeal from the appellant, submit such appeal to the Disciplinary Board together with his comments.

(3) On receipt of the appeal under subregulation (2) the Disciplinary Board shall cause to be prepared a copy of the records of proceedings of the Disciplinary Board, including the grounds on which the Disciplinary Board relied upon in arriving at its decision.

(4) The records of proceedings prepared under subregulation (3) together with the grounds of decision and the appellant's appeal shall be sent to the respective Disciplinary Appeal Board not later than 30 days from the receipt of the appeal by the Disciplinary Board.

15. (1) Upon receipt of the documents, the Chairman of the respective Disciplinary Appeal Board shall convene a meeting of the Disciplinary Appeal Board to consider the appeal.

(2) The Disciplinary Appeal Board concerned shall decide an appeal solely on the merits of the grounds of appeal without receiving any further statement or evidence.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the Disciplinary Appeal Board concerned may, at its sole discretion and subject to the appellant's right of being heard, call for any statement or evidence from any person if it is of the opinion that it would be fair and just so to do.

(4) After considering the said appeal, the Disciplinary Appeal Board concerned may—

- (a) remit the case to the Disciplinary Board for reconsideration;
- (b) confirm the decision of the Disciplinary Board;
- (c) confirm the decision of the Disciplinary Board as regards the appellant's wrongdoing, but vary the punishment to that of a lesser one; or
- (d) reverse the decision and punishment of the Disciplinary Board and acquit the appellant.

(5) The decision of any of the Disciplinary Appeal Board shall be final.

16. The rules made by the State Public Service Commission for the purpose of regulating its procedure for the time being in force shall apply to the Disciplinary Appeal Board established under regulation 11 or 12 with such modifications as may be necessary as if such rules form part of these Regulations.

17. The State of Perak Public Service Disciplinary Board Regulations 1976 are repealed.

Hearing of appeal.

Rules of procedure of Disciplinary Appeal Board.

Repeal PK. P.U. 25/76.

18
or
Co
re
(b
cc
pr
by
Bo
ha

or
ce
m
E

co
Re
th
Pe
Bi
to
of
ha
th

un
Bo

19.
Ap
to

20.
De
the
sha

l

M:
an
Pr
Gr
Di
Bc

18. (1) Nothing in these Regulations shall affect any act done or proceedings commenced by the State Public Service Commission before the commencement of the Regulations repealed by regulation 17 or by the Disciplinary Board (hereinafter referred to as "the Board") before the commencement of these Regulations; and all such acts and proceedings shall be deemed to have been done or commenced by the State Public Service Commission or the Disciplinary Board or the Disciplinary Appeal Board as if these Regulations had been in force.

Saving and transitional provisions.

(2) Nothing in these Regulations shall be deemed to affect or take away any of the powers, privileges or protection conferred upon the State Public Service Commission or any member thereof under the State Public Service Commission Enactment 1959.

En. 10/59.

(3) Any disciplinary proceedings in respect of an officer commenced by the Board before the commencement of these Regulations may be disposed of by that Board notwithstanding the reclassification of such officer under the Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 or the Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 and all other Pekeliling Perkhidmatan relating to classification of officers and, notwithstanding the provisions of regulation 2 or 3 as the case may require, that Board shall have all the powers of the Disciplinary Board established under these Regulations.

(4) Any appeal against the decision of the Board made under subregulation (3) shall be made to the Disciplinary Appeal Board established under regulation 11 or 12.

19. All decisions of the Disciplinary Board and the Disciplinary Appeal Board in respect of an officer shall be communicated to the officer in writing.

Decisions to be communicated to officer in writing.

20. Where confusion arises as to the expression of "Head of Department" or "Head of Division" or "Head of Service" for the purpose of these Regulations and the Schedule, the matter shall be referred to the State Secretary for a decision.

State Secretary to on interpretation of terms.

SCHEDULE

The State of Perak Public Service Disciplinary Boards

(Regulation 2)

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
<i>Disciplinary Board</i>	<i>Classification of Officer</i>	<i>Jurisdiction</i>	<i>Composition of Disciplinary Board</i>
Managerial and Professional Group Disciplinary Board.	All officers in the Top Management Group and the Managerial and Professional Group.	Disciplinary action not with a view to dismissal or reduction in rank.	Chairman: State Secretary Members: (a) Deputy State Secretary - Administration.

Column 1	Column 2	Column 3	Column 4 Composition of Disciplinary Board
Disciplinary Board	Classification of Officer	Jurisdiction	
Disciplinary Board for the Support Group (No. 1).	(a) Support Group under the new Remuneration System. (b) Group B, C and D under Cabinet Committee Report 1976.	Disciplinary action with a view to dismissal or reduction in rank.	(b) An officer not lower in rank than Grade 2 in the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary. Chairman: (a) Deputy State Secretary – Administration Members: (a) Assistant to the State Legal Adviser. (b) An officer from the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary.
Disciplinary Board for the Support Group (No. 2).	(a) Support Group under the new Remuneration System. (b) Group B, C and D under Cabinet Committee Report 1976.	Disciplinary action not with a view to dismissal or reduction in rank.	Chairman: (a) Principal Assistant Secretary – Members: (a) 2 officers from the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary.

Made this 6th November 1998.
[PSUK. PK(BPK) PU. Pk. 15/73
1A. 355/951/2/16-3.]

HAJI SHARAIDIN B. TAKIN,
Secretary,
State Executive Council,
Perak.





NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 17

25hb April 2024

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 3.

ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI 1959

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI PERAK (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11A Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1959 [*Enakmen Bil. 10 tahun 1959*], Raja dalam Mesyuarat membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Perak 1998 [*Pk. P. U. 23/1998*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-

Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Bagi pegawai yang sedang memangku sesuatu jawatan, pegawai tersebut boleh menjadi Pengerusi atau anggota Lembaga Tatatertib tanpa perlu membuat permohonan.

(6) Bagi pegawai yang sedang menanggung kerja sesuatu jawatan yang sepatutnya menjadi Pengerusi atau anggota Lembaga Tatatertib, kelulusan yang diperlukan adalah seperti berikut:

(a) bagi Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak adalah diperlukan. Bagi Anggota Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah diperlukan; dan

(b) bagi Pengerusi dan Anggota Lembaga Tatatertib Kumpulan Pelaksana No.1 dan No. 2, kelulusan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah diperlukan.”.

Pindaan peraturan 12

3. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini suatu Lembaga Rayuan Tatatertib (bagi Kumpulan Pelaksana dan setaraf dengannya) hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri sebagai ahli-ahlinya.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Fungsi Lembaga Rayuan ialah untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai dalam Kumpulan Pelaksana dan setaraf dengannya dalam perkhidmatan yang disebutkan dalam peraturan 3.”.

Pindaan Jadual

4. Jadual Peraturan-Peraturan ibu digantikan dengan Jadual baharu yang berikut:

"JADUAL

LEMBAGA-LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM NEGERI PERAK

[peraturan 2]

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Lembaga Tatatertib</i>	<i>Pengelasan Pegawai</i>	<i>Bidang Kuasa</i>	<i>Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional	Tindakan Tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri Anggota : (a) Timbalan Setiausaha Kerajaan - Pengurusan (b) Seorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 48 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pelaksana (No. 1)	Semua pegawai dalam Kumpulan Pelaksana dan setaraf dengannya	Tindakan Tatatertib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi : Timbalan Setiausaha Kerajaan - Pengurusan Anggota : (a) Penolong kepada Penasihat Undang- Negeri (b) Seorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Lembaga Tatatertib</i>	<i>Pengelasan Pegawai</i>	<i>Bidang Kuasa</i>	<i>Keanggotaan Lembaga Tatatertib</i>
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pelaksana (No. 2)	Semua pegawai dalam Kumpulan Pelaksana dan setaraf dengannya	Tindakan Tatatertib bukan dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi : Setiausaha Bahagian-Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Anggota : Dua orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Kerajaan Setiausaha Negeri.”

Dibuat 16 April 2024

[SPAPK. 500-1/1/2 (R) Jld. 3; PU.Pk. 2/2013]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

STATE PUBLIC SERVICE COMMISSION ENACTMENT 1959

STATE OF PERAK PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARD
(AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 11A of the State Public Service Commission Enactment 1959 [*Enactment No. 10 of 1959*], the Ruler in Council makes the following regulations:

Name and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **State of Perak Public Service Disciplinary Board (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of regulation 2

2. The State of Perak Public Service Disciplinary Board Regulations 1998 [*Pk. P.U. 23/1998*], which is referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, is amended in regulation 2 by inserting after subregulation (4) the following subregulations:

“(5) for an officer currently holding a position, the officer may become Chairman or member of the Disciplinary Board without having to make an application.

(6) for an officer currently performing the duties of a position that should be the Chairman or member of the Disciplinary Board, the required approval is as follows:

- (a) For the Chairman of the Disciplinary Board of the Managerial and Professional Group, approval of the State Public Service Commission of Perak is required. For the member of the Disciplinary Board of the Managerial and Professional Group, approval of the State Secretary is required; and
- (b) For the Chairman and members of the Disciplinary Board of Implementation Group No. 1 and No. 2, approval of the State Secretary is required.”.

Amendment of regulation 12

3. Regulation 12 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) For the purpose of these Regulations, an Appellate Disciplinary Board (for the Implementation Group and its equivalent) shall be established consisting of the State Secretary as Chairman, the State Legal Advisor and the State Financial Officer as its members.”; and

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) The function of the Appellate Board is to receive, consider and decide on any appeals made under the provisions of these Regulations with respect to any decision of the Disciplinary Board regarding the conduct and discipline of an officer in the Implementation Group and its equivalent in the services mentioned in regulation 3.”.

Amendment of Schedule

4. The Schedule in principal Regulations is substituted with the new Schedule as follows:

“SCHEDULE

THE STATE OF PERAK PUBLIC SERVICE DISCIPLINARY BOARDS

[regulation 2]

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
<i>Disciplinary Board</i>	<i>Classification of Officer</i>	<i>Jurisdiction</i>	<i>Composition of Disciplinary Boards</i>
Managerial and Professional Group Disciplinary Board	All officers in the Top Management Group and Managerial and Professional Group	Disciplinary action not with a view of dismissal or reduction in rank	Chairman: State Secretary Members : (a) Deputy State Secretary - Management (b) An officer not lower in rank than Grade 48 in the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
<i>Disciplinary Board</i>	<i>Classification of Officer</i>	<i>Jurisdiction</i>	<i>Composition of Disciplinary Boards</i>
Disciplinary Board for the Implementation Group (No. 1)	All officers in the Implementation Group and its equivalent	Disciplinary action with a view to dismissal or reduction in rank	Chairman: Deputy State Secretary - Management Members : (a) Assistant to the State Legal Advisor (b) An officer from the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary
Disciplinary Board for the Implementation Group (No. 2)	All officers in the Implementation Group and its equivalent	Disciplinary action not with a view of dismissal or reduction in rank	Chairman: Division Secretary - Human Resource Management Division Members : Two officers from the Managerial and Professional Group appointed by the State Secretary.”.

Made 16 April 2024

[SPAPK. 500-1/1/2 (R) Vol. 3; PU.Pk. 2/2013]

ABDUL MAJID BIN ABDUL RAHIM
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA